

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 04 Tahun 2020

ARAHAN PELAKSANAAN SESI PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SEPANJANG PENULARAN WABAK COVID-19

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pelaksanaan Sesi Penyampaian Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian di Universiti Teknologi MARA sepanjang Penularan Wabak COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG

Universiti Teknologi MARA (UiTM) memandang serius mengenai pengisytiharan penularan jangkitan COVID-19 sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan laporan berkaitan dengannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 16 Mac 2020 telah mengarahkan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19 kepada warga UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

Semua warga universiti adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

- 3.1 Semua sesi penyampaian dan pembelajaran berasaskan kuliah dan tutorial (*tutorial and lecture based*) serta aktiviti kurikulum termasuk sesi penilaian berterusan perlu dilaksanakan secara dalam talian.
- 3.2 Semua sesi penyampaian dan pembelajaran berasaskan makmal/bengkel/studio/lapangan/padang/dapur/seminar perlu disesuaikan kandungan *scheme of work* kursus berkaitan untuk dilaksanakan secara dalam talian.
- 3.3 Sebarang aktiviti dalam sesi penyampaian dan pembelajaran secara bersemuka (*face to face*) berasaskan makmal/bengkel/studio/lapangan/padang/dapur/seminar yang melibatkan kumpulan yang besar (lebih daripada 20 orang) sekiranya perlu dilaksanakan, hendaklah:
 - a. dipecahkan kepada kumpulan yang kecil (kurang daripada 10 orang)

- b. dilaksanakan dalam jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter
 - c. mematuhi langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pusat Kesihatan (PK) UiTM atau Unit Kesihatan kampus masing-masing dari semasa ke semasa
- 3.4 Semua pelajar dinasihatkan supaya tidak meninggalkan kampus, mengehendkan perjalanan masing-masing dan meneruskan pembelajaran secara dalam talian seperti yang dijadualkan.
- 3.5 Sebarang aktiviti penyeliaan atau perundingan antara penyelia dan pelajar secara bersemuka sekiranya perlu dilaksanakan, hendaklah dibuat dalam jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- 3.6 Pensyarah perlu menyediakan instrumen yang sesuai bagi pelaporan kedatangan pelajar pada setiap sesi jam temu pembelajaran dalam talian yang dijalankan.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Mac 2020

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta sehingga 3/4 hb April 2020 mengikut kampus cawangan masing-masing. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Kegagalan staf atau pelajar mematuhi pekeliiling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 04